

Minta suapan setengah juta

Tujuh anggota polis termasuk seorang berpangkat ASP dihadapkan ke mahkamah

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Tujuh anggota polis termasuk seorang pegawai berpangkat Asisten Superintenden

Superintendent

dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan semalam atas tuduhan meminta suapan berjumlah RM500,000 dan melakukan peras ugut pada 19 September tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohd Hanif Omar, 36; Eddy Nurazman Mohd Nozeri, 36; Helmie Yazir Ahmad, 38; Mohd Fairul Ishak, 36; Shaharuddin Abdul Hamid, 35; Irdysham Mat Husain, 35 dan Mohd Fazli Mohd Radli, 36, mengaku tidak bersalah ke atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Mohd Ghazali Mohammad Taib.

Kesemua mereka didakwa secara bersama meminta suapan itu daripada G Nadesa Pillai melalui Chang Chin Min sebagai dorongan untuk melepaskan tiga buah lori yang membawa muatan berisi 700 karton rokok seludup, 59 kotak mengandungi 708 botol arak tidak bercukai serta tiga pemandu



Tujuh anggota polis termasuk seorang pegawai berpangkat Asisten Superintenden dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan semalam atas tuduhan meminta suapan berjumlah RM500,000 dan melakukan peras ugut pada 19 September tahun lalu.

Chang Chin Min, Liew Siau Foo dan Chan Chee Choy.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di simpang masuk Sekolah Kebangsaan (SK) Kedaik, Rompin pada jam 3 hingga 3.30 pagi pada 19 September tahun lalu.

Kesemua tertuduh juga didakwa atas satu lagi pertuduhan iaitu dengan sengaja melakukan pemerasan dengan mendatangkan ketakutan kepada Nadesa

Pillai dengan cara merampas barang seludup jika enggan membayar wang rasuah itu.

Ugutan tersebut membuatkan Nadesa Pillai terpaksa menyerahkan 700 karton rokok seludup, 59 kotak mengandungi 708 botol arak tidak bercukai kepada mereka.

Perbuatan tersebut didakwa dilakukan oleh kesemua tertuduh di lokasi, masa dan tarikh yang sama.

Dalam prosiding itu, Timbalan Pendakwaraya SPRM, Siti Sarah Zainal Abiddin menawarkan ikat jamin RM100,000 bagi setiap tertuduh dan meminta tertuduh menyerahkan pasport miliknya kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam, Mohamed Khairul fathi Mohammad Khir yang mewakili enam tertuduh meminta mahkamah mengurangkan jumlah ikat jamin kerana kesemua anak guamnya kemungkinan akan digantung kerja dan gaji mereka ditahan.

Sementara itu, Helmie Yazir yang tidak diwakili peguam memohon mahkamah mengurangkan jaminan kerana menanggung seorang isteri dan lima anak berusia antara 10 hingga setahun.

“Saya bersetuju dengan syarat tambahan untuk serahkan pasport kepada mahkamah tetapi berharap wang jaminan tidak membebankan dikenakan kepada saya,” katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan kesemua tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan kes disebut semula 25 Mac depan.



Lebih Vokal
Sinar Ahad
Setiap Ahad,
Bermula 1 Mac